

1.0 PENGENALAN KEPADA REKA CIPTA

1.1 Pengenalan Reka Cipta dan Pereka Cipta

1 Berikan definisi bagi perkataan berikut:

(i) Inventif

.....
.....

(ii) Inovasi

.....
.....

[2 markah]

2 Jadual 1 menunjukkan definisi-definisi menerangkan beberapa istilah. Nyatakan istilah yang tepat bagi definisi yang diberi.

	Definisi	Istilah
(i)	Berupaya mereka cipta sesuatu yang baharu atau berdaya saing	
(ii)	Sesuatu yang baru diperkenalkan seperti kaedah, system, adat dan lain-lain yang baharu	
(iii)	Kemampuan mencipta, berdaya kreatif atau kekreatifan	

Jadual 1

[3 markah]

- 3 Jadual 2 menyenaraikan pereka cipta dan hasil ciptaan mereka. Nyatakan hasil ciptaan bagi setiap pereka cipta berikut:

	Pereka cipta	Hasil ciptaan
(i)	Alexander Graham Bell	
(ii)	Wilbur dan Orville Wright	
(iii)	Joseph Marie Jacquard	

Jadual 2

[3 markah]

- 4 Perkembangan reka cipta telah berlaku dalam pelbagai bidang. Senaraikan **tiga** bidang perkembangan tersebut:

- (i)
- (ii)
- (iii)

[3 markah]

- 5 Senaraikan **dua** hasil ciptaan pereka cipta berikut :

- (a) Zulkifli bin Haron
- (i)
- (ii)
- (b) Robest Yong
- (i)
- (ii)

[4 markah]

- 6 Senaraikan **empat** ciri yang perlu ada pada seorang pereka cipta

- (i)
- (ii)
- (iii)
- (iv)

[4 markah]



Rajah 1

- 7 Rajah 1 menunjukkan ciri-ciri seorang pereka cipta. Lengkapkan Rajah 1 dengan menyatakan ciri bertanda (i), (ii) dan (iii)

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

- 8 Jadual 3 menunjukkan beberapa sumber tenaga. Kelaskan sumber tenaga tersebut mengikut jenisnya.

	Sumber tenaga	Jenis tenaga
(i)	Arang batu	
(ii)	Solar	
(iii)	Bahan radioaktif	
(iv)	Geoterma	

Jadual 3

[4 markah]

- 9 Jadual 4 menunjukkan ciri-ciri tenaga tidak boleh diperbaharui dan tenaga boleh diperbaharui. Bandingkan jenis sumber tenaga tersebut dalam Jadual 4.

Tenaga tidak boleh diperbaharui	Tenaga boleh diperbaharui
Mengambil masa yang lama untuk diperbaharui	Boleh diperbaharui dalam masa yang singkat
(i)	(ii)
(iii)	(iv)

Jadual 4

[4 markah]

- 10 Jadual 5 menunjukkan huraian ciri pereka cipta. Kenal pasti dan nyatakan ciri pereka cipta berdasarkan huraian pada Jadual 5.

	Huraian	Ciri Pereka Cipta
(i)	- Memahami kumpulan sasaran - Menyelidik keperluan dan masalah pengguna melalui tinjauan dan pemerhatian	
(ii)	- Berupaya mencipta, mewujudkan atau menghasilkan sesuatu yang baharu. - Berfikir secara kritikal, menilai secara analitikal dan memberikan cadangan yang praktikal	
(iii)	- Sentiasa berusaha mengatasi kegagalan - Sentiasa bersemangat untuk terus mencuba	

Jadual 5

[3 markah]

- 11 Rajah 2 menunjukkan beberapa sumber tenaga. Nyatakan klasifikasi sumber tenaga tersebut pada ruang jawapan yang diberi.

	Sumber tenaga	Klasifikasi
(i)	 	
(ii)	 	

Rajah 2

[2 markah]